

Duta Dan Ketua Delegasi EU Ke Malaysia Buat Kunjungan Perpisahan Ke Atas Muhyiddin Bernama
13 Ogos, 2012

PUTRAJAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Duta dan Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia Vincent Pickett pada Isnin mengadakan kunjungan hormat perpisahan ke atas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di pejabatnya.

Vincent yang dilantik sebagai Ketua Delegasi EU ke Malaysia sejak 15 Mei 2008 diiringi delegasi EU Pablo Iglesias Rumbo.

Turut hadir ialah pegawai khas Timbalan Perdana Menteri, Ahmad Faizal Abd Rahman dan Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Eropah, Kementerian Luar, Rafiq Hazura Md Ridzuan.

Vincent menyertai Suruhanjaya Eropah (EC) pada 1992 dan sejak itu berkhidmat dalam hal ehwal hubungan luar EU.

Pada 1998, beliau dihantar berkhidmat ke Slovenia dan 2001 beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Delegasi EC ke Persekutuan Rusia.

Pada 2005, Vincent kembali ke ibu pejabat suruhanjaya di Brussels sebagai ketua unit bagi program kerjasama serantau dengan Asia dan Asia tengah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687703>